




PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045



Selamat Datang

ANDA SEMUA DIJEMPUT HADIR

PENGENALAN

Rancangan Struktur (RS) adalah satu pernyataan bertulis yang menerangkan dasar dan cadangan am Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenaan pemajuan dan penggunaan tanah sesebuah negeri. Ini termasuklah memperelokkan perhubungan, menguruskan lalu lintas, mempertingkatkan kesejahteraan sosioekonomi, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memudahkan pemajuan mampan disediakan.

Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 (RSNS 2045) ini merupakan kajian semula Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2001-2020 yang disediakan berdasarkan kepada:

- Keperluan peruntukan Seksyen 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- Terdapat perubahan corak guna tanah dan perancangan fizikal yang perlu diselaraskan dengan dasar dan strategi terkini.
- Menyelaraskan dokumen RSNS 2045 agar selari dengan dasar, pelan induk pembangunan, garis panduan dan piawaian perancangan terkini.
- Merancang secara mampan berdasarkan potensi sebenar mengikut daerah agar sesuai dengan perubahan guna tanah dan tren pembangunan semasa.
- Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan melalui peluang pekerjaan, kemudahan dan infrastruktur.
- Sebagai panduan perancangan 30 tahun Negeri Sembilan bagi memandu hala tuju pembangunan di peringkat negeri dan daerah.

KANDUNGAN RSNS 2045

- 1 Pendahuluan
- 2 Asas Pembentukan Strategi Pembangunan Negeri Sembilan
- 3 Arah Tuju Pembangunan Negeri Sembilan
- 4 Pelan Strategik Pembangunan Negeri Sembilan
- 5 Dasar Perancangan Strategik Negeri Sembilan
- 6 Projek Berimpak Tinggi

PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN STRUKTUR




Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan, 2014.

LATAR BELAKANG NEGERI SEMBILAN

Negeri Sembilan terletak di selatan Lembah Klang dan bersempadan dengan Negeri Selangor, Pahang, Johor dan Melaka. Keluasan Negeri Sembilan adalah 665,635.85 hektar (6,656.35 km²) yang meliputi 7 daerah iaitu Daerah Seremban, Port Dickson, Jempol, Tampin, Kuala Pilah, Rembau dan Jelebu. Bandar Seremban merupakan ibu negeri yang juga berperanan sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

DAERAH	KELUASAN (HEKTAR)	PENDUDUK 2010
SEREMBAN	95,360.71	536,147
PORT DICKSON	58,065.21	110,991
JEMPOL	148,458.42	112,740
TAMPIN	85,137.45	82,165
KUALA PILAH	102,667.00	63,874
REBAU	40,592.79	41,988
JELEBU	135,354.27	38,299
NEGERI SEMBILAN	665,635.85	986,204

KEDUDUKAN DAERAH DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SEMBILAN



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

ASAS PEMBENTUKAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN

PERUNTUKAN PERINGKAT NEGARA



PERUNTUKAN PERINGKAT NEGERI

- i. Pelan Pemodenan Negeri Sembilan 2045 disediakan oleh UPEN Negeri Sembilan memberi fokus kepada pembangunan bandar sebagai asas pengukuhan ekonomi dan desa pula sebagai pusat ilmu dan tempat yang selesa serta eksklusif untuk didiami.
- ii. Pelan Strategik Pembangunan Ekonomi Negeri Sembilan 2010-2020 disediakan oleh UPEN Negeri Sembilan memberi penekanan kepada sektor pertanian, industri herba dan bioteknologi, pelancongan, pembuatan dan hartanah.
- iii. Dasar Perumahan Negeri Sembilan (2015) bertujuan meningkatkan kemampuan pemilikan perumahan di kalangan masyarakat, memastikan pembangunan perumahan yang seimbang di antara daerah dan mengutamakan keharmonian dalam pembangunan perumahan.
- iv. Hala Tuju Sektor Pertanian Negeri Sembilan 2020 yang disediakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sembilan bertujuan meningkatkan penghasilan produk makanan, penggunaan teknologi dan penyelidikan secara lebih optimum, penggalakan program pengeluaran makanan ternakan dan penyediaan langkah pembangunan tanah rizab kerajaan dan tanah pertanian terbiar.
- v. Hala Tuju Pelancongan Negeri Sembilan disediakan bertujuan menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri pelancongan unik untuk dikunjungi. Penekanan diberikan untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong dan tempoh inapan di Negeri Sembilan bagi mengukuhkan KDNK negeri.
- vi. Blueprint PWT (Pantai Peranginan Negara, Zon *Wellness* dan Bandar Tentera Darat) di Port Dickson.
- vii. Rancangan Pembangunan Semula Port Dickson yang melibatkan cadangan penambakan laut bagi tujuan naik taraf kemudahan pelancongan dan infrastruktur di persisiran pantai Port Dickson.
- viii. Kajian Perancangan Jeti Laut di Negeri Sembilan yang disediakan oleh pihak JPBD Negeri Sembilan bertujuan menyediakan dasar dan perancangan yang sesuai untuk pembangunan jeti laut di Port Dickson.
- ix. *Comprehensive Development Plan Malaysia Vision Valley* (CDP MVV) 2045.
- x. Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2045.

ASAS PEMBENTUKAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN

RUMUSAN PENEMUAN UTAMA LAPORAN TINJAUAN NEGERI SEMBILAN 2015

KEDUDUKAN NEGERI SEMBILAN BERSEBELAHAN KONURBASI NASIONAL memberi impak pembangunan secara langsung dan keperluan terhadap perancangan pembangunan yang bersepadu perlu disediakan agar sesuai dengan potensi yang ada. Pembangunan di Daerah Seremban dan Port Dickson akan meningkatkan kemajuan dan tahap ekonomi Negeri Sembilan secara keseluruhan.

PERANCANGAN MALAYSIA VISION VALLEY DI DAERAH SEREMBAN DAN PORT DICKSON merupakan pelan transformasi agresif untuk memastikan Daerah Seremban dan Port Dickson menjadi salah satu agenda pembangunan utama negara.




PELAN KONURBASI, ZON PROMOSI PEMBANGUNAN DAN PUSAT KATALIS SEMENANJUNG MALAYSIA BERDASARKAN RFN KE-3

SEREMBAN YANG AKAN DINAIK TARAF SEBAGAI BANDARAYA akan melonjakkan imej dan kedudukan Seremban setaraf dengan bandaraya-bandaraya sedia ada di dalam Konurbasi Nasional seperti Bandaraya Kuala Lumpur, Shah Alam dan Petaling Jaya.

PENGGALAKAN PERTAMBAHAN JUMLAH PENDUDUK NEGERI SEMBILAN menjelang tahun 2045 dengan jumlah 2,954,516 orang dan bertumpu di Daerah Seremban, Port Dickson, Jempol, Tampin dan Kuala Pilah.


CADANGAN KERETAPI BERKELAJUAN TINGGI (HSR) KUALA LUMPUR - SINGAPURA dengan sebuah hab perhentian di Labu, Seremban (berpotensi dibangunkan sebagai *transit oriented development* yang dapat diintegrasikan dengan tumpuan jarak 400-800 meter radius sekitar hab) akan memberi kesan positif kepada pembangunan kawasan sekitar dan meningkatkan perhubungan ke Seremban dan Port Dickson.



ASAS PEMBENTUKAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN

RUMUSAN PENEMUAN UTAMA LAPORAN TINJAUAN NEGERI SEMBILAN 2015

KESEDIAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN seluas 370,208.45 hektar (55.6%) sehingga tahun 2045.



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

PEMBANGUNAN BERTERASKAN ILMU DI NEGERI SEMBILAN (30 buah institusi pengajian tinggi di Daerah Seremban, 5 buah di Kuala Pilah dan Rembau, 4 di Port Dickson, 3 di Jempol dan masing-masing 2 buah di Daerah Tampin dan Jelebu) mampu meningkatkan tahap pertumbuhan ekonomi dan pembangunan fizikal Negeri Sembilan. Ini dapat memberi peluang kepada penduduk tempatan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan mewujudkan jaringan sinergi antara penyelidik daripada universiti, organisasi awam dan swasta tempatan menjalankan penyelidikan untuk pembangunan pelbagai sektor di Negeri Sembilan. Selain itu, pembangunan institusi pengajian tinggi juga berpotensi untuk mewujudkan peluang pembangunan yang dapat menjana peningkatan ekonomi setempat.



KEPELBAGAIAN PRODUK PELANCONGAN dengan 153 kawasan tarikan pelancongan iaitu produk pelancongan kebudayaan, seni dan warisan (21.6%), pelancongan eko (20.3%), pelancongan pendidikan (20.2%) dan pelancongan sukan dan rekreasi (15.7%) dengan tumpuan di Daerah Seremban (41.8%), Port Dickson (16.4%) dan Daerah Kuala Pilah (13.1%)

POTENSI PRODUK WARISAN DIWARTAKAN SEBAGAI WARISAN KEBANGSAAN kerana terdapat 290 produk warisan di Negeri Sembilan yang kebanyakannya tidak dipromosi sepenuhnya bagi tujuan pelancongan warisan dan pembelajaran.

Kota Lukut, Lukut



Sekolah Menengah King George V, Seremban



Model Rumah Negeri Sembilan, Seremban



Makam Moyang Salleh, Jelebu

PEMBEKAL UTAMA HASIL PERTANIAN BERASAKAN MAKANAN KEPADA LEMBAH KLANG. Kedudukan Negeri Sembilan yang bersebelahan dengan wilayah Konurbasi Nasional menyediakan ruang pasaran yang besar untuk dipasarkan secara meluas ke luar Negeri Sembilan. Penumpuan pembangunan ternakan adalah di Daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Rembau dan Tampin. Daerah Seremban dan Port Dickson pula berperanan sebagai pusat pemasaran hasil ternakan.



Ternakan udang galah, Jelebu



Ladang tebu, Jelebu



ARAH TUJU PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN

MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2045

MATLAMAT PEMBANGUNAN	Negeri Sembilan 2045 Sejahtera, Inklusif Dan Maman
PENDEKATAN UTAMA	<ul style="list-style-type: none"> i. Merancang dan membangunkan Malaysia Vision Valley sebagai tunjang bagi melonjakkan ekonomi Negeri Sembilan. ii. Membangunkan Negeri Sembilan berdasarkan sumber jaya tersendiri dan memperkenalkan asas ekonomi baru yang inovatif, produktif dan kompetitif. iii. Membangunkan serta memelihara biodiversiti dan aset warisan Negeri Sembilan sebagai elemen kemampanan negeri.
OBJEKTIF PEMBANGUNAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Merancang pembangunan guna tanah dan fizikal mampan bagi menyokong pencapaian matlamat RSNS 2045. ii. Memperkasakan ekonomi berasaskan sumber berpotensi yang inovatif, produktif dan kompetitif. iii. Membangunkan dan memelihara biodiversiti serta aset warisan secara mampan. iv. Membangunkan modal insan berkualiti dan berdaya saing. v. Memperkukuhkan sistem pengurusan dan pelaksanaan RSNS 2045.

Konsep “Pembangunan Integrasi Negeri Sembilan” dijadikan sebagai asas dalam merancang pembangunan guna tanah Negeri Sembilan sehingga tahun 2045. Selain itu, konsep ini juga dibentuk bertujuan menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara daerah di Negeri Sembilan. Konsep pembangunan ini menekankan kepada pembangunan seimbang mengikut acuan tersendiri, mampan, *new ruralism*, *smart growth*, pembangunan *infill*, *brownfield* dan dibangunkan secara terkawal.


KONSEP PEMBANGUNAN INTEGRASI NEGERI SEMBILAN 2045



PETUNJUK:

- Pembangunan MVV
- Pembangunan Biodiversiti
- Pembangunan Agropolis
- Pintu Masuk Utama
- Lebuhraya
- Jalan Persekutuan
- Laluan Keretapi Sedia Ada
- Laluan High Speed Rail (HSR)
- Sempadan Negeri

ARAH TUJU PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN



PEMBANGUNAN MVV



MVV yang diinspirasikan oleh Kerajaan Negeri Sembilan adalah rancangan komprehensif jangka masa panjang yang melibatkan Daerah Seremban dan Port Dickson. MVV adalah kesinambungan kepada *Greater KL* dan akan menjadi pemangkin pembangunan di Negeri Sembilan dan merupakan salah satu Agenda Transformasi Negara yang menggunakan pendekatan '*public-private partnership*'.

MVV perlu mengekalkan identitinya yang aman, selesa, sejahtera dan hubungan sosial erat. Pusat Bandar Seremban terus berfungsi sebagai pusat pentadbiran negeri. Port Dickson hingga ke Pasir Panjang akan difokuskan dengan aktiviti persisiran pantai. Selain itu, pelancongan berasaskan sukan dan kesihatan tahap antarabangsa juga diperkukuhkan. Sebagai sebahagian daripada kawasan pembangunan MVV, reka bentuk bandar dan kawasan persisiran pantai Port Dickson akan dinaik taraf bagi memastikan kelestarian pembangunan Port Dickson.

PEMBANGUNAN AGROPOLIS

Agropolis adalah satu konsep pembangunan yang menerapkan elemen perbandaran kepada luar bandar dan dibangunkan sebagai bandar pertanian. Agropolis juga merupakan sebuah kawasan pengeluaran pertanian yang menggunakan teknologi bagi meningkatkan hasil tanaman dan boleh dibangunkan di kawasan yang mempunyai keluasan terhad.

Bagi Negeri Sembilan, konsep agropolis ini digunakan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi setempat. Berdasarkan kelebihan dan kekuatan sedia ada, Daerah Jempol, Tampin, Rembau dan Kuala Pilah berpotensi untuk dibangunkan menjadi satu wilayah bandar pertanian yang dikenali sebagai agropolis yang mampan, maju, berkualiti dan produktiviti tinggi serta sejahtera didiami. Pembangunan agropolis ini terdiri daripada 30% perbandaran dan selebihnya pertanian, HSK dan badan air.



PEMBANGUNAN BIODIVERSITI

Kawasan pembangunan biodiversiti melibatkan Daerah Jelebu memainkan peranan penting sebagai elemen kestabilan biodiversiti di Negeri Sembilan dan juga sebagai sumber air utama negeri. Matlamat pembangunan biodiversiti ini adalah pembangunan dan pemeliharaan sumber semula jadi secara mampan. Pembangunan biodiversiti Negeri Sembilan ini bertujuan memperkukuhkan kedudukan kawasan HSK melalui pemeliharaan kawasan hutan dan penanaman semula pokok di kawasan hutan yang telah diterokai. Pembangunan biodiversiti terdiri daripada 20% tepu bina atau perbandaran, 30% pertanian dan 50% HSK dan badan air.

GAMBARAJAH UTAMA NEGERI SEMBILAN 2045


Menekankan kepada 4 komponen rangka kerja pemajuan dan kawalan pembangunan Negeri Sembilan iaitu:

- i. Hierarki Petempatan
- ii. Kawasan Tindakan Pembangunan
- iii. Kawasan Pembangunan Terkawal
- iv. Kawasan Pengekalan dan Pemeliharaan

Gambarajah utama ini juga memaparkan rangkaian jalan sedia ada dan cadangan sehingga 2045.

Fungsi gambarajah utama ini adalah:

- i. Memandu arah pembangunan fizikal Negeri Sembilan.
- ii. Menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi.
- iii. Menguruskan alam sekitar dan sumber jaya asli secara mampan.



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.


HIERARKI PETEMPATAN NEGERI SEMBILAN 2045

Berdasarkan prospek pertumbuhan dan bagi mengimbangkan taburan dan hierarki pusat petempatan sehingga tahun 2045, hierarki petempatan Negeri Sembilan dibahagikan kepada 4 iaitu:

- i. Pusat Wilayah Negeri
- ii. Pusat Separa Wilayah I & II
- iii. Pusat Petempatan Utama
- iv. Pusat Petempatan Kecil

Faktor kedudukan hierarki, fungsi, perletakan aktiviti, kemudahan dan saiz penduduk tampungan diambil kira dalam menentukan tahap kesesuaian setiap hierarki petempatan.

HIERARKI PETEMPATAN	PUSAT PETEMPATAN	PERINCIAN
Pusat Wilayah Negeri	Bandaraya Seremban (termasuk Nilai, Sendayan, Labu, Paroi, Senawang dan lain-lain bandar satelit sekitar Seremban)	<ul style="list-style-type: none"> Pusat pentadbiran negeri Pusat perniagaan dan perkhidmatan negeri Pusat kewangan negeri Pusat petempatan dan perbandaran negeri Pusat pendidikan tinggi Pembangunan MICE dan ICT utama Hub pengangkutan utama negeri
Pusat Separa Wilayah 1	Port Dickson (termasuk Lukut)	<ul style="list-style-type: none"> Bandar pelancongan persisiran pantai dan pusat peranginan negara Pusat pentadbiran dan perniagaan daerah Pusat petempatan dan perbandaran daerah
Pusat Separa Wilayah 2	Kuala Pilah	<ul style="list-style-type: none"> Pusat warisan dan kebudayaan Negeri Sembilan Pusat pentadbiran dan perniagaan daerah Pusat petempatan dan perbandaran daerah
	Tampin, Bandar Seri Jempol, Kuala Klawang, Rembau	<ul style="list-style-type: none"> Pusat pentadbiran dan perniagaan daerah Pusat petempatan dan perbandaran daerah
Pusat Petempatan Utama	Gemas, Bahau, Rantau, Gemencheh, Telok Kemang	<ul style="list-style-type: none"> Pusat petempatan dan perbandaran utama Pusat perkhidmatan penduduk tempatan terutama dalam penyediaan kemudahan asas dan sosial.
Pusat Petempatan Kecil	Seri Menanti, Terachi - Tanjung Ipo, Juasseh, Ayer Mawang dan Johol	<ul style="list-style-type: none"> Pusat perniagaan dengan fungsi perkhidmatan terhadap penduduk / kemudahan asas dan sosial. Pusat perniagaan dengan fungsi perkhidmatan terhadap penduduk / kemudahan asas dan sosial. Pusat perkhidmatan penduduk / kemudahan asas dan sosial.
	Pengkalan Kempas, Linggi, Pasir Panjang dan Bukit Pelandok	
	Lenggeng, Pantai, Broga, Ulu Beranang, Sg. Gadut dan Kuala Sawah	
	Pedas, Chengkau - Kota, Lubok Cina dan Pilin	
	Batang Melaka, Ayer Kuning, Pasir Besar dan Felda Bukit Rokan	
Ayer Hitam, Sungai Lui, Batu Kikir, Jelai, Felda Palong 14,15,16, Felda Palong 4,5,6, Serting dan Rompin		
	Simpang Pertang, Simpang Durian dan Titi	



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

KAWASAN STRATEGIK PELABURAN

Negeri Sembilan mempunyai 370,208.45 hektar tanah (55.6%) yang boleh dibangunkan di masa hadapan dan majoriti berada di Daerah Seremban dan Port Dickson. Ini merupakan satu aset pelaburan yang baik untuk meningkatkan tahap ekonomi Negeri Sembilan. Kawasan-kawasan strategik yang dapat menggalakkan kemasukan pelaburan ke Negeri Sembilan adalah:

1. PERBANDARAN



- Pembangunan perbandaran di kawasan yang bersempadan dengan MVV.
- Pembangunan terancang di Bandar Seri Jempol-Bahau.

2. BANDAR BERASASKAN TRANSIT (TOD)



- Pengukuhan pembangunan bandar berasaskan transit (TOD) di Gemas dan di sekitar hab perhentian HSR Kuala Lumpur - Singapura di Labu, Seremban.

3. LEMBAH ILMU



- Pembangunan pendidikan secara berkelompok dengan elemen pembangunan bercampur bagi mengukuhkan Lembah Ilmu yang berteknologi tinggi di Nilai dan Seremban.

4. HAB PENDIDIKAN ISLAM



- Pembangunan hab pendidikan Islam di Gemencheh.



5. PELANCONGAN PERSISIRAN PANTAI



- Pembangunan berasaskan pelancongan persisiran pantai bermula dari Port Dickson - Teluk Kemang - Linggi - Lubok China.

6. PELANCONGAN EKO & BIODIVERSITI



- Pengukuhan pelancongan berasaskan eko dan biodiversiti di Taman Negeri Kenaboi, Jelebu.

7. PELANCONGAN WARISAN



- Penjenamaan semula dan pengukuhan karektor pelancongan warisan di Kuala Pilah dan Bandar DiRaja Seri Menanti.

8. HALAL FOOD PARK




- Penjenamaan semula dan pengukuhan pembangunan Halal Food Park di Rembau.

9. HAB PENGELUARAN RUMINAN



- Pembangunan hab pengeluaran ruminan di Gemas (Gemas Beef Valley).



SISTEM PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN

Cadangan Jalan Baru

- Seremban Middle Ring Road Fasa 3 (Bandar Seremban).
- Seremban Outer Ring Road
- LeKAS (LEKAS - Paroi - Senawang - Seremban - Mantin).
- Penyambungan jalan baru Negeri Sembilan Outer Ring Road.
- Negeri Sembilan Inner Ring Road.

Cadangan Pengangkutan Rel

- Penyambungan ERL KLIA - Labu - Port Dickson.
- Penyambungan KTM komuter laluan Seremban - Port Dickson.
- HSR Kuala Lumpur - Singapura dengan sebuah stesen di Labu, Seremban.

Cadangan Lebuhraya

Lebuhraya Pantai Barat (West Coast Expressway)


- Mengambil kira keperluan perhubungan secara terus dari KLIA ke Port Dickson.
- Terdapat 5 persimpangan keluar masuk iaitu Tanah Merah, Bandar Port Dickson, Lebuhraya Seremban - Port Dickson, Telok Kemang dan Pasir Panjang / Linggi.
- Kawasan Rehat dan Rawat Pelancongan akan dibina berhampiran pantai selari dengan fungsi Port Dickson sebagai kawasan tumpuan pelancongan.

Lebuhraya Seremban - Serting

- Menghubungkan Seremban dengan Serting melalui lima persimpangan keluar masuk iaitu Seremban Timur, Seri Menanti, Kuala Pilah, Juasseh dan Serting.
- Menjadi satu alternatif strategik untuk menghubungkan Negeri Sembilan dengan negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
- Mempercepatkan tempoh perjalanan dari Seremban ke bahagian timur Negeri Sembilan.
- Merencanakan industri pelancongan kerana melalui kawasan-kawasan yang bersejarah dan menarik.
- Membangunkan ekonomi Bahau, Serting, Rompin, Kuala Pilah, Gemencheh dan Gemas.

Lebuhraya Serting - Durian Tipus - Karak / Pekan

- Lebuhraya ini menganjur dari Serting, Jempol ke Durian Tipus, Jelebu. Ia kemudian berpecah dua iaitu ke Karak dan Pekan di Pahang.
- Memangkin pembangunan di kawasan pertanian (FELDA & FELCRA), kawasan pelancongan (Port Dickson) dan kawasan industri (Senawang).
- Selari dengan cadangan Central Spine Road oleh Bahagian Perancang Jalan Kementerian Kerja Raya berasaskan Pelan Pembangunan Jalan Raya Fasa 1, 2017.



PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Daripada 153 kawasan tarikan pelancongan, empat jenis pelancongan utama yang menjadi tumpuan di Negeri Sembilan adalah:





- Pelancongan kebudayaan, seni dan warisan sejarah
- Pelancongan eko
- Pelancongan pendidikan
- Pelancongan sukan dan rekreasi


Kawasan utama yang mempunyai tarikan pelancongan adalah Daerah Seremban, Port Dickson dan Kuala Pilah.

Perletakkan kawasan tarikan yang mudah dikunjungi dan jarak perjalanan di antara destinasi yang berdekatan memudahkan program-program pakej pelancongan diatur mengikut tema dan lokasi.

Aspek pengurusan sumber pelancongan yang cekap perlu diberikan penekanan untuk memastikan sektor pelancongan berupaya memberi pulangan yang tinggi kepada ekonomi Negeri Sembilan.

Kluster pelancongan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

-  ➤ Kluster pelancongan kebudayaan, seni dan warisan sejarah (Bandar DiRaja Seri Menanti - Kuala Pilah - Seremban - Port Dickson)
-  ➤ Kluster pelancongan eko dan agro (Taman Negeri Kenaboi - Jelevu - Sungai Lui - Jempol - Gemas - Tampin)
-  ➤ Kluster pelancongan pendidikan (Nilai - Labu - Seremban)
-  ➤ Kluster pelancongan persisiran pantai (Port Dickson - Telok Kemang - Tanjung Biru - Linggi - Lubok China)




Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

KAWASAN PEMBANGUNAN TERKAWAL

Kawasan pembangunan terkawal Negeri Sembilan merupakan kawasan yang sensitif untuk dibangunkan tetapi dibenarkan dengan kawalan yang ketat. Terdapat tujuh kategori kawasan yang ditetapkan sebagai pembangunan terkawal iaitu:


- Kawasan tanah pertanian Kelas 2
- Pesisiran pantai / laut
- Sungai / badan air / empangan
- Kawasan tanah tinggi di antara 150 - 300 meter
- Kawasan berkecerunan di antara 25 - 35 darjah
- Tapak / bangunan warisan
- Kawasan keselamatan (kem tentera, balai polis, balai bomba dan institusi DiRaja).



KAWASAN PENGEKALAN DAN PEMELIHARAAN

Kawasan pengendalian dan pemeliharaan merupakan kawasan KSAS 1 yang perlu dikekalkan dan dipelihara bagi mengekalkan keseimbangan ekologi dan biodiversiti semula jadi Negeri Sembilan. Kawasan ini adalah sensitif kepada pembangunan dan kawalan serta garis panduan khusus perlu dipatuhi. Terdapat enam kategori kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan pengendalian dan pemeliharaan Negeri Sembilan iaitu:


- Hutan Simpanan Kekal
- Kawasan *Central Forest Spine*
- Kawasan tadahan air
- Kawasan tanah tinggi melebihi 300 meter
- Kawasan berkecerunan melebihi 35 darjah
- Kawasan tanaman padi



DASAR PERANCANGAN STRATEGIK NEGERI SEMBILAN

Pernyataan dasar dan strategi pelaksanaan Negeri Sembilan disediakan selaras dengan Matlamat Pembangunan Negeri Sembilan 2045 dan diterjemahkan mengikut objektif pembangunan. Dasar ini juga disertakan dengan fakta dan justifikasi yang dirumus berdasarkan Laporan Tinjauan. Kesemua dasar diperincikan bertujuan untuk mencapai matlamat pembangunan negeri dalam konteks jangka masa panjang (perancangan 30 tahun).

Dasar Perancangan Utama (DPU) adalah Dasar Umum dan Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP) adalah Dasar Subjek berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2001-2020. Pembaharuan (*rebranding*) kepada dua kategori dasar ini bertujuan menjelaskan pembahagian struktur dasar agar lebih kukuh dalam menyediakan hala tuju perancangan Negeri Sembilan. Dasar Perancangan Utama (DPU) diterjemah dan diperincikan ke dalam bentuk Dasar Strategik Pelaksanaan (DSP) yang disediakan dengan lima elemen utama.



RUMUSAN DASAR RSNS 2045 MENGIKUT OBJEKTIF PEMBANGUNAN

NEGERI SEMBILAN 2045 SEJAHTERA, INKLUSIF DAN MAMPAN

Objektif 1	Objektif 2	Objektif 3	Objektif 4	Objektif 5
Merancang Pembangunan Guna Tanah Dan Fizikal Mampam Bagi Menyokong Pencapaian Visi Pemodenan Negeri Sembilan 2045	Memperkasakan Ekonomi Berasaskan Sumber Berpotensi Yang Inovatif, Produktif Dan Kompetitif	Memelihara Biodiversiti Mampam Sebagai Aset Semula Jadi Negeri Sembilan	Membangunkan Modal Insan Berkualiti Dan Berdaya Saing	Memperkuhkan Sistem Pengurusan Dan Pelaksanaan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045
Pembangunan Guna Tanah (3 DPU & 7 DSP)	Asas Ekonomi (1 DPU & 4 DSP)	Alam Sekitar (1 DPU & 6 DSP)	Penduduk (1 DPU & 4 DSP)	Pengurusan dan Pemantauan (1 DPU & 3 DSP)
Perumahan (1 DPU & 7 DSP)	Perdagangan (1 DPU & 2 DSP)			
Petempatan Desa (1 DPU & 4 DSP)	Perindustrian (1 DPU & 3 DSP)			
Kemudahan Masyarakat (1 DPU & 9 DSP)	Pelancongan (1 DPU & 7 DSP)			
Pengangkutan (1 DPU & 3 DSP)	Pertanian (1 DPU & 6 DSP)			
Infrastruktur dan Utiliti (1 DPU & 7 DSP)				



OBJEKTIF 1

Bagi memastikan Objektif 1 iaitu “Merancang pembangunan guna tanah dan fizikal mampan bagi menyokong pencapaian visi Pemodenan Negeri Sembilan 2045” dapat dicapai, dasar yang disediakan adalah seperti berikut:

PEMBANGUNAN GUNA TANAH

DPU 1 : Pembangunan Guna Tanah Secara Terancang Bagi Menggalakkan Kemasukan Pelabur Dan Meningkatkan Tahap Ekonomi

DPU 2 : Membangunkan ‘Malaysia Vision Valley’ (MVV) Sebagai Wilayah Transformasi Perbandaran Primer Nasional

DPU 3 : Pengurusan Pembangunan Tanah Adat Yang Efisien Dan Bermanfaat

PERUMAHAN

DPU 4 : Pembangunan Perumahan Berkualiti, Mencukupi Dan Mampu Milik

PETEMPATAN DESA

DPU 5 : Memelihara Karektor Dan Identiti Kawasan Luar Bandar Sebagai Aset Negeri Sembilan

KEMUDAHAN MASYARAKAT

DPU 6 : Penyediaan Kemudahan Masyarakat Yang Mencukupi, Berkualiti Dan Mudah Sampai Oleh Semua Lapisan Masyarakat


PENGANGKUTAN

DPU 7 : Menyedia Dan Membangunkan Kemudahan Perhubungan Dan Pengangkutan Bagi Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Serta Peningkatan Kualiti Hidup Masyarakat

INFRASTRUKTUR & UTILITI


DPU 8 : Penyediaan Sistem Infrastruktur Pintar Bagi Menyokong Pembangunan Negeri Sembilan

PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAN PERBANDARAN



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

POTENSI PEMBANGUNAN TANAH ADAT



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.



OBJEKTIF 2

Bagi memastikan Objektif 2 iaitu “Memperkasakan ekonomi berasaskan sumber berpotensi yang inovatif, produktif dan kompetitif” dapat dicapai, dasar strategik pelaksanaan yang disediakan adalah:

ASAS EKONOMI

DPU 9: Pengukuhan Asas Ekonomi Negeri Yang Berdaya Saing Berasaskan Sumber Berpotensi Bagi Mencapai KDNK Per Kapita Melebihi RM 98,000 Pada Tahun 2045

PERDAGANGAN

DPU 10: Memperkukuhkan Pembangunan Perdagangan Dan Perkhidmatan Mengikut Hierarki Pusat Petempatan Yang Ditetapkan


PERINDUSTRIAN

DPU 11 : Memperkukuhkan Pembangunan Perindustrian Di Daerah Seremban dan Port Dickson Khususnya Melalui Pembangunan Bersepadu ‘Malaysia Vision Valley’ Dan Sokongan Padu Industri Sokongan Berasaskan Konsep Agropolis Dan Biodiversiti Dari Lain-lain Daerah di Negeri Sembilan

PELANCONGAN

DPU 12 : Membangunkan Produk Dan Perkhidmatan Pelancongan Negeri Sembilan Secara Bersepadu Di Koridor Perbandaran Segitiga Seremban-Nilai-Port Dickson Dan Koridor Luar Bandar Negeri Sembilan

KLUSTER PEMBANGUNAN PERTANIAN



Sumber : Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

PERTANIAN

DPU 13: Daerah Jempol, Tampin, Rembau dan Kuala Pilah Dibangun Berteraskan Konsep Agropolitan

OBJEKTIF 3

Bagi memastikan Objektif 3 iaitu “Memelihara biodiversiti mampan sebagai aset semula jadi Negeri Sembilan” dapat dicapai, dasar yang disediakan adalah:

ALAM SEKITAR

DPU 14: Pengurusan Alam Sekitar Melalui Perlindungan, Pemeliharaan Dan Pengawasan Aktiviti Pembangunan Guna Tanah Dan Fizikal

OBJEKTIF 4

Bagi memastikan Objektif 4 iaitu “Membangunkan modal insan berkualiti dan berdaya saing” dapat dicapai, dasar yang disediakan adalah:

PENDUDUK

DPU 15: Sasaran Penduduk Negeri Sembilan 2.95 Juta Orang Pada Tahun 2045

OBJEKTIF 5

Bagi memastikan Objektif 5 iaitu “Memperkukuhkan sistem pengurusan dan pelaksanaan RSNS 2045 dapat dicapai, dasar yang disediakan adalah:

PENGURUSAN & PEMANTAUAN

DPU 16: Pemantapan Sistem Pentadbiran Negeri Dan Mekanisme Pelaksanaan Dan Pemantauan RSNS 2045 Bagi Mencapai Matlamat Pembangunan Negeri Sembilan

CADANGAN PROJEK BERIMPAK TINGGI

KENABOI WORLD BIODIVERSITY CENTRE DI TAMAN ALAM LIAR NEGERI, HUTAN SIMPAN KENABOI

Projek Kenaboi World Biodiversity Centre ini dicadangkan bagi mempromosikan pelancongan yang berkonsepkan mesra alam dan mampan. Projek ini dicadangkan di kawasan Taman Alam Liar Negeri, Hutan Simpan Kenaboi, Daerah Jelebu. Projek ini mampu menjadi tarikan pelancongan terbaru di Negeri Sembilan. Cadangan ini merupakan projek pertama yang mengintegrasikan pelancongan eko yang komprehensif iaitu merangkumi Zoo Negeri, Kawasan Perlindungan Hidupan Liar, Pusat Kajian dan Penyelidikan Perhutanan dan Hidupan Liar, Pusat Konservasi Tumbuhan, Pusat Rawatan dan Kesihatan Haiwan Liar dan Haiwan Peliharaan, dan Pusat Penyelidikan Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa.

KOMPONEN PEMBANGUNAN

- Taman Negeri
- Pusat Kajian Dan Penyelidikan Pertumbuhan Dan Hidupan Liar
- Pusat Konservasi Tumbuhan
- Pusat Biodiversiti Bertaraf Antarabangsa




NEGERI SEMBILAN FOOD VALLEY - GEMAS

Terdapat dua kawasan pembangunan sedia ada yang berpotensi untuk pembangunan *food valley* iaitu di Gemas dan Jempol. Pembangunan Negeri Sembilan *Food Valley* di Gemas adalah dicadangkan untuk menjadi *beef valley* dan pusat industri tenusu negeri. Hasil pengeluaran bersumberkan hasil ternakan dan tenusu ini bakal menjadi bekalan makanan untuk Lembah Klang. Pembangunan *food valley* di Gemas ini juga melibatkan kawasan pertanian dan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran.

KOMPONEN PEMBANGUNAN

- Kemudahan Utama
- Taman Sayur-sayuran
- Taman Buah-buahan
- Pusat Kajian Dan Penyelidikan
- Pusat Industri Tenusu
- Pusat Penternakan Dan Pemprosesan Daging



NEGERI SEMBILAN FOOD VALLEY - JEMPOL

Jempol juga telah dikenal pasti sebagai salah satu kawasan yang akan terlibat dalam pembangunan Negeri Sembilan *Food Valley*. Aktiviti di Jempol ini akan melibatkan perternakan akuakultur dan ikan air tawar. Selain itu, pembangunan di Jempol juga akan melibatkan kawasan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang akan ditentukan mengikut kesesuaian. Cadangan ini bukan hanya tertumpu kepada sektor penternakan tetapi juga mengintegrasikan sektor pertanian.

KOMPONEN PEMBANGUNAN

- Kemudahan Utama
- Taman Sayur-sayuran (Green House)
- Taman Buah-buahan Aquaponic
- Taman Herba
- Taman Buah-buahan
- Pusat R&D




CADANGAN PROJEK BERIMPAK TINGGI NEGERI SEMBILAN CULTURAL CENTRE



Projek Negeri Sembilan *Cultural Centre* ini meliputi Wilayah Agropolis yang terletak di bahagian timur Negeri Sembilan dengan tema utama pelancongannya adalah warisan dan keindahan alam semula jadi. Projek ini menggalakkan usaha-usaha mempromosikan kekayaan produk warisan dan keindahan alam semula jadi yang terdapat di Negeri Sembilan di mana golongan sasaran adalah penduduk dari Lembah Klang dan kawasan sekitarnya. *Cultural Centre* ini menekankan kepada pelancongan bermaklumat, ketenangan, *privacy* dan budaya kekeluargaan. Dua strategi utama dibentuk iaitu *Pelancongan Warisan dan Budaya dan Penjenamaan Semula dan Pengukuhan Karektor Pelancongan Warisan di Kuala Pilah dan Bandar DiRaja Seri Menanti*

KOMPONEN PEMBANGUNAN

- Perkampungan Warisan
- Pusat Pentadbiran N9CC
- Minangkabau Street
- Pusat Kebudayaan



INTERNATIONAL COASTAL SPORT & TOURISM

Cadangan *International Coastal Sport and Tourism* merupakan salah satu usaha dalam menambah baik sektor pelancongan di Daerah Port Dickson. Pembangunan ini melibatkan kawasan antara Port Dickson-Teluk Kemang-Tanjung Tuan-Linggi yang sememangnya terkenal sebagai lokasi peranginan dan pelancongan pantai di Malaysia. Penduduk setempat dapat meningkatkan sumber pendapatan dengan memanfaatkan pembangunan pelancongan di Port Dickson.

KOMPONEN PEMBANGUNAN

- Water Taxi PD
- PD Esplaned
- Pelancongan Antarabangsa
- Pelancongan Kesihatan Dan PD Cable Car
- Eco-edu Tourism Dan Bakau Walk



REMBAU HALAL HUB



Idea asal pembangunan Rembau Halal Hub ini merupakan usaha kerajaan Negeri Sembilan dalam usaha menjadikan Negeri Sembilan sebagai hub makanan halal di Semenanjung Malaysia. Rembau Halal Hub ini telah pun dibina oleh pihak kerajaan negeri di kawasan Pedas, Rembau. Cadangan penambahbaikan ini melibatkan pembesaran kawasan untuk mempelbagaikan aktiviti. Salah satu komponen yang dilihat dapat mengangkat Rembau Halal Hub sebagai pusat halal Malaysia adalah dengan penubuhan Pusat Kajian dan Penyelidikan Makanan Halal. Usaha ini dilihat perlu disokong dengan usahasama bersama JAKIM dan SIRIM. Ini bagi memastikan kualiti setiap produk yang dihasilkan akan mencapai status halal dan kualiti yang ditetapkan. Selain itu, produk-produk makanan yang dihasilkan adalah berkualiti dan mampu dipasarkan di peringkat antarabangsa. Selain itu, Rembau Halal Hub ini juga bakal menjadi pusat pemasaran dan pembungkusan produk yang dihasilkan oleh pengusaha industri kecil dan sederhana.


CADANGAN PROJEK BERIMPAK TINGGI

PEMELIHARAAN HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI SEMBILAN

Usaha pemeliharaan hutan simpan ini dijalankan bagi melindungi kawasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Sembilan dan memastikan kestabilan ekosistem negeri. Ini termasuklah usaha untuk memastikan sumber biodiversiti negeri dapat dikekalkan dan mengelakkan kepupusan sepsis flora dan fauna terutama yang menghadapi masalah kepupusan

Terdapat 22 Hutan Simpan Kekal di Negeri Sembilan dengan keluasan keseluruhan 155,824 hektar. 20 Hutan Simpan Kekal di Negeri Sembilan merupakan jenis hutan darat dan 2 lagi adalah hutan paya laut

TABURAN HUTAN SIMPANAN KEKAL




SENARAI HUTAN SIMPANAN KEKAL

Bil	Hutan Simpan	Luas (hektar)	Jenis Hutan
1	Angsi	12,435	Hutan Darat
2	Berembun	20,698	Hutan Darat
3	Gallah	4,033	Hutan Darat
4	Gapau	5,282	Hutan Darat
5	Gemas Selatan	765	Hutan Darat
6	Johol	4,247	Hutan Darat
7	Kenaboi	45,112	Hutan Darat
8	Lenggeng	5,417	Hutan Darat
9	Pantai	34	Hutan Darat
10	Pasir Panjang	157	Hutan Darat
11	Pasoh	12,693	Hutan Darat
12	Pelangai	6,630	Hutan Darat
13	Petai	62	Hutan Darat
14	Senaling Inas	7,261	Hutan Darat
15	Setul	2,547	Hutan Darat
16	Serting	7,371	Hutan Darat
17	Sg. Menyala	1,280	Hutan Darat
18	Gunung Tampin	5,541	Hutan Darat
19	Tebong	2,552	Hutan Darat
20	Triang	11,606	Hutan Darat
21	Pulau Arang	2	Hutan Paya Laut
22	Paya Bakau	99	Hutan Paya Laut
Jumlah Keluasan		155,824	

Senarai Hutan

Angsi	Pasoh
Berembun	Paya Bakau
Gallah	Pelangai
Gapau	Petai
Gemas Selatan	Pulau Arang
Gunung Tampin	Senaling Inas
Johol	Serting
Kenaboi	Setul
Lenggeng	Sungai Menyala
Pantai	Tebong
Pasir Panjang	Triang



1. Orang ramai adalah dijemput hadir untuk memeriksa Draft RSNS 2045 serta berpeluang mengemukakan maklum balas terhadap maklumat yang terkandung di dalam laporan tersebut. Semua maklum balas boleh dikemukakan secara rasmi menggunakan Borang Bantahan Awam yang disediakan di semua tempat pemeriksaan atau muat turun www.townplan.gov.my, <http://jpbd.ns.gov.my> dan www.ns.gov.my.

2. Borang yang lengkap diisi boleh dihantar secara e-mail ke normazlan@ns.gov.my dan ctnoraidah@ns.gov.my, pos atau serahan tangan ke alamat berikut:

**PENGARAH
 JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SEMBILAN
 TINGKAT 3, BLOK A, WISMA NEGERI, 70646 SEREMBAN**

3. Tarikh tutup penyerahan borang adalah sebelum atau pada 7 Oktober 2016.
 4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai berikut:

En. Nor Mazlan bin Mohd Yunus (06-7659702)
 Pn. Siti Noraidah bt Idris (06-765 9066)
 En. Tajuddin bin Abdullah (06-7659710)